



# Kolaborasi UMP dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah dalam Program Kejuruteraan Jerman

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Yayasan Sabah memeterai perjanjian dalam kerjasama akademik bagi Program Asasi membabitkan tiga Program Kejuruteraan Jerman-UMP hasil kerjasama dari Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman dalam menawarkan program Dwijiazah pada 11 Ogos 2016 yang lalu di Putrajaya.

Ianya melibatkan program Sarjana

Muda Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) serta Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dan Dekan FIM, Dr. Mohd. Ridzuan Darun menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) mewakili UMP manakala pihak KTYS diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datin Tarsiah T.Z. Zaman dan Pengurus Kanan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Waky Taim.

Hadir sama dalam majlis, Pengurus Lembaga Pengarah KTYS, Datuk Kamal D.E. Quadra, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid.

Menurut Datin Tarsiah, pihaknya menghargai komitmen pihak UMP manakala pihak Yayasan Sabah turut mempertimbangkan tajaan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang memenuhi kriteria kelayakan dan ditawarkan untuk program kerjasama ini.

"Dalam masa yang sama kerjasama ini juga membabitkan dua program Francias dengan UMP iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan kepujian dan

Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan kepujian.

"Pihaknya juga menawarkan program persediaan bahasa Inggeris secara percuma kepada pelajar baharu selain biasiswa dan kemudahan pinjaman pengajian kepada mereka yang memenuhi syarat dalam program tertentu yang ditetapkan pihak KTYS.

"Pada masa ini, KTYS sedang dalam usaha menaik taraf kepada Kolej Universiti Teknikal Yayasan Sabah pada tahun 2018. Justeru, bagi tujuan ini pihaknya mengharapkan dengan program kerjasama ini dapat merealisasikan hasrat kolej dalam melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing," katanya.

Dato' Dr. Daing Nasir menyambut baik kerjasama ini dan mengharapkan lebih banyak ruang kerjasama dalam bidang-bidang lain pula selepas ini bagi manfaat kedua-dua pihak.

Kolej yang ditubuhkan pada tahun 1990 ini adalah milik penuh KKYS Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat dalam Yayasan Sabah yang akan terus komited dalam meningkatkan kecemerlangan dan kualiti akademik terutama dalam bidang teknikal bagi memenuhi keperluan negara.

Turut sama berlangsung adalah pemeteraian perjanjian pihak KTYS dengan pihak DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU) dan RENG College.